

SEKILAS INFO



DUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



THE World University Ranking 2024: **UNIMAS di Kedudukan 1001-1200 Dunia**



Kota Samarahan: Edisi terbaharu *Times Higher Education: World University Ranking 2024* telah dikeluarkan pada 26 September 2023 dengan menampilkan lebih 1800 universiti dari 108 negara dalam senarai penarafan di bawah *THE World University Ranking*.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah disenaraikan berada pada kedudukan 1001-1200, meningkat kedudukannya berbanding tahun sebelumnya.

Metodologi *World University Ranking 2024* baharu untuk edisi ke-20 Penarafan Universiti Dunia dikemaskini dengan ketara untuk mencerminkan output pelbagai jenis universiti intensif penyelidikan di seluruh dunia.

Berdasarkan metodologi baharu, penambahan daripada 13 ke 18 penunjuk prestasi yang ditentukan bagi mengukur prestasi institusi merentas lima (5) bidang iaitu pengajaran (persekitaran pembelajaran), persekitaran penyelidikan (jumlah, pendapatan dan reputasi), kualiti penyelidikan (impak petikan, kekuatan penyelidikan, kecemerlangan penyelidikan dan pengaruh penyelidikan), industri (pendapatan dan paten) dan pandangan antarabangsa (kakitangan, pelajar dan penyelidikan).

Kedudukan tahun ini menganalisis lebih daripada 134 juta petikan merentas 16.5 juta penerbitan penyelidikan termasuk tinjauan daripada 68,402 sarjana di seluruh dunia. Secara keseluruhan, sebanyak 411,789 data dikumpul daripada lebih 2,673 institusi yang menyerahkan data.

UNIMAS MyMoheS Kekal Dengan Penarafan 4.5 Bintang



Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengekalkan status 4.5 bintang bagi penarafan data MyMoheS yang telah dihantar bagi tempoh berakhir pada 30 Jun 2023.

Pengumuman penarafan bintang ini telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Kualiti Data (MKD) MyMoheS Bil.2/2023 pada 13 September 2023.

Permarkahan bagi penarafan bintang data MyMoheS dilakukan menerusi tiga (3) kriteria utama iaitu masa penghantaran, kesempurnaan data dan kualiti data bagi kesemua empat modul utama iaitu Modul Staf, R&D&C, Pelajar dan Maklumat Institusi.

MyMoheS merupakan satu sistem maklumat KPT bagi menyepadukan dan meningkatkan kualiti data UA secara berterusan. Di UNIMAS, proses penghantaran data adalah melalui sistem SPeED UNIMAS terus ke pangkalan data di dalam sistem MyMoheS.

Tahniah kepada semua pemilik data dan pembangun sistem antaranya BPSM, BPPs, PPs, TAHODC, RIEC, UG, PKP, PeTARY dan Pra-U di atas kerjasama yang erat dalam usaha menjayakan proses pengumpulan dan penghantaran data MyMoheS.

Bengkel Pengintegrasian Data Graduan UA SKPG - MyMoheS



Kota Samarahan: Pusat Perancangan Strategi, Pengurusan Kualiti dan Risiko telah menghantar Encik Mohd Hairulnizam B Mohd Zamri, Penolong Pegawai Teknologi Kanan bagi menghadiri Bengkel Pengintegrasian Data Graduan Universiti Awam (UA) SKPG – MyMoheS 2023.

Hasil daripada bengkel tersebut, terdapat beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan terhadap proses penghantaran data graduan ke MyMoheS. Penambahbaikan memfokus kepada Kod Rujukan, RTC *Data Quarter* dan Borang Pemilik *Data Quarter*.

Dimaklumkan juga tarikh penghantaran data pelajar (*Quarter*) MyMoheS adalah pada 14 Oktober 2023.

Mesyuarat Kajian Semula Skop Pensijilan MS ISO 9001



Kota Samarahan: Mesyuarat Kajian Semula Skop Pensijilan MS ISO 9001 telah diadakan pada 4 September 2023 di Bilik Mesyuarat SQRC. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Digital, YBhg Prof Dr Wan Hashim B Wan Ibrahim.

Mesyuarat memfokuskan kepada pengemaskinian skop dan proses bagi tujuan pensijilan MS ISO 9001 *Quality Management System*.

Perbincangan melibatkan beberapa PTj iaitu UNIMAS Corporate (UC), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), TAHODC, Pejabat Audit dan beberapa lagi PTj serta SQRC sebagai Urus Setia.

Morning Prayer SQRC



Kota Samarahan: Kerjasama adalah bahagian penting dalam kejayaan mana-mana organisasi. Di SQRC, kerja berpasukan merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan kepercayaan di kalangan staf. Dengan semangat kerjasama staf menjadi lebih terbuka untuk berbincang tentang peranan dan kerja masing-masing. Selain daripada langkah untuk mengeratkan silatur rahim, staf juga dapat berkongsi tentang perkembangan dan proses kerja masing-masing.

Pengarah SQRC, YBhg Prof Gs Dr Tarmiji Masron menyatakan bahawa *morning prayer* merupakan *platform* untuk staf berkongsi rancangan bagi penambahbaikan proses kerja atau permasalahan dalam kerja supaya semua urusan di SQRC dapat diselesaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan segala urusan dalaman berjalan dengan lancar. Sesi *morning prayer* juga salah satu cara untuk melahirkan staf supaya lebih terbuka dalam menjalani kerja masing-masing selain menerapkan kepercayaan sesama staf dan memupuk sikap saling membantu.

Certificate in Risk Management Level 1



Kota Samarahan: Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) menghantar Penolong Pendaftar Kanan, Puan Dayang Zuliana Bt Abang Abdul Rahman untuk mengikuti Kursus *Certificate in Risk Management Level 1* yang diadakan pada 5 September 2023 sehingga 8 September 2023 di *The Academy of Risk Management Malaysia Berhad*, Petaling Jaya.

Puan Dayang Zuliana, merupakan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko di SQRC. Dalam usaha mengukuhkan kewujudan fungsi Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko, SQRC melihat keperluan untuk melahirkan dan mempunyai pegawai yang bertauliah di dalam pengurusan kualiti dan risiko dengan adanya pensijilan yang diiktiraf adalah satu keperluan.

Difahamkan *Certificate in Risk Management* merupakan langkah pertama yang perlu diambil untuk mendapat gelaran *Certified Risk Manager*. Di dalam kursus ini, terdapat tiga (3) modul utama yang perlu dilengkapi oleh pegawai iaitu, Asas Pengurusan Risiko, Penilaian dan Rawatan Risiko, dan Amalan Pengurusan Risiko. Daripada modul-modul tersebut, pegawai boleh memberi panduan kepada warga kampus selain menjadi pegawai yang dirujuk untuk perkara berkaitan dengan *Risk Management*.

Bengkel Semakan Dokumen ISMS



Kota Samarahan: Selaras dengan *Quality Management System ISO 9001:2015 & Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013 Surveillance Audit (SIRIM QAS International Sdn Bhd)*, Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko, SQRC mengadakan Bengkel Semakan Dokumen ISMS pada 14 September 2023 sehingga 15 September 2023. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak semula dokumen daripada PTj yang akan diaudit.

Quality Management System ISO 9001:2015 & Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013 Surveillance Audit (SIRIM QAS International Sdn Bhd) telah dijadualkan pada 25 September 2023 sehingga 27 September 2023.

MyMoheS: Perbincangan Pemilik Data dan System Developer



Kota Samarahan: Beberapa cadangan penambahbaikan di dalam sistem SPeED UNIMAS dibincangkan melalui sesi perbincangan urus setia, SQRC dengan pemilik data iaitu Pra-U, BPPs dan PPs bersama dengan wakil daripada *system developer*. Ini adalah berikutan dengan permarkahan data MyMoheS yang dikeluarkan baru-baru ini.

Pengarah SQRC memaklumkan bahawa kerjasama daripada pemilik data dan *system developer* amat diperlukan dalam usaha UNIMAS meraih 5 bintang.

Penerangan berkaitan permarkahan dan kelemahan daripada laporan terdahulu dibentangkan dan perlu dikemaskini sebaiknya.

Sorotan UNIMAS

Liga Piala Pendaftar 2023



THE Sharing Session



eISSN 2948-5088



UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Aktiviti Bulan September 2023

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Kajian Semula Skop Pensijilan MS ISO 9001	4 September 2023
2.	Morning Prayer SQRC	4 September 2023
3.	Bengkel Pengintegrasian Data Graduan UA SKPG - MyMoHeS	12 September 2023
4.	Mesyuarat Kualiti Data MyMoHeS UA Bil2/2023	13 September 2023
5.	Bengkel Semakan Dokumen ISMS	14-15 September
6.	Impact Rankings 2024: Participation Masterclass Series	5 September 2023
7.	Kursus Certificate in Risk Management Level 1	5 – 8 September 2023
8.	THE Awards Asia Sharing Session	19 September 2023
9.	Perbincangan Persediaan Audit Pemantauan SIRIM	20 September 2023
10.	Perbincangan berhubung gambar pelajar MyMoHeS bersama Owner data pelajar & sistem developer	22 September 2023
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bil 2/2023	22 September 2023
12.	Quality Management System ISO 9001:2015 & Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013 Surveillance Audit (SIRIM QAS International Sdn Bhd)	25 – 27 September 2023

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH | PROF GS DR TARMIMI MASRON
 |TIMBALAN PENGARAH | PROF MADYA DR LEE NUNG KION | PENOLONG PENDAFTAR KANAN | DAYANG MAZINA AWANG BATU | DAYANG ZULIANA ABANG ABD RAHMAN | PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN | ADELIN ANN LUBI | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN | MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | SALMIAH NAHRAWI | SETIAUSAHA PEJABAT | NUR AISHAH JORI | PEMBANTU TADBIR KANAN | NORISA MOHAMAD SAHARI | PEMBANTU TADBIR | SITI AFIZAH JAMIL | MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN | PEMBANTU OPERASI | ROZAIMI ANIS

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
 Aras 3, Canselor
 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>